

BAB 4 : ANALISIS INTRINSIK

4.1 Pendahuluan

Intrinsik ialah binaan dalaman sesebuah teks yang meliputi aspek plot, perwatakan, bahasa, teknik penceritaan, tema dan persoalan. Kajian terhadap aspek intrinsik ini penting bagi menjelaskan struktur dan binaan sesebuah teks. Kajian yang baik terhadap aspek intrinsik akan dapat menjelaskan binaan sesebuah teks. Seterusnya kajian aspek intrinsik ini jika diikuti pula dengan kajian hubungannya dengan pemikiran atau *world view*, teks tersebut akan menampakkan *world view* masyarakat yang menghasilkan teks tersebut. Dalam hal ini ialah masyarakat Melayu yang menjadi masyarakat yang menghasilkan teks cerita 'Dayang Kak Nun'.

Perbandingan aspek intrinsik kedua versi teks 'Dayang Kak Nun' ini dapat pula menjelaskan sejauh manakah binaan teks cerita ini berbeza. Ini akan dapat menjelaskan bagaimanakah sebenarnya sebuah cerita di tangan seorang tukang cerita yang bercerita berulang-ulang kali dalam suasana yang berlainan, masa berlainan dan khalayak berlainan.

4.2 Plot

Cerita dibuka dengan suatu bahagian pembukaan yang isinya berupa seruan yang bukan bahagian cerita. Oleh yang demikian bahagian ini secara strukturnya tidak dapat dilihat sebagai bahagian awal cerita. Ia tidak

mempunyai hubungan dengan cerita. Ia lebih tepat jika dikatakan bahagian pembukaan persembahan cerita, tetapi bukan bahagian pembukaan cerita.

VDZ dimulai dengan suatu bahagian awal, yang menjadi pembukaan cerita, iaitu perintah daripada Juragan supaya kumpulan Bugis Ramai menebang sebatang kayu sakti untuk dibuat jong. Tetapi kumpulan Bugis Ramai yang menjadi pengikut atau rakyat Juragan gagal untuk menebang kayu tersebut, kerana setiap kali kayu tersebut ditebang suatu kejadian aneh telah berlaku, iaitu kayu tersebut bercantum semula, sehingga usaha untuk menebang kayu tersebut sia-sia. Apabila Juragan mendapat tahu hal tersebut, ia menjadi marah dan pergi sendiri ke pangkal pohon kayu tersebut untuk menebangnya. Rupa-rupanya kayu tersebut ada penghuni yang merupakan makhluk ghaib yang bernama Awang Jambul Lebat bersama enam orang saudara perempuannya. Makhluk tersebut menjadi marah, maka berlakulah peperangan antara Juragan dengan Awang Jambul Lebat. Dalam peperangan tersebut Awang Jambul Lebat terbunuh.

Kemudian enam orang saudara perempuannya meneruskan pula peperangan sehingga mereka terbunuh kecuali Puteri Bongsu. Sehingga akhirnya Puteri Bongsu kalah dan mengaku bersaudara dengan Juragan.


Bahagian awal dalam VRH juga sama. Hanya terdapat watak tambahan, iaitu ayah Juragan yang terlibat membantu Juragan dalam berperang dan terbunuh. Kemudian ditambah lagi dengan satu watak lain,

iaitu Tuan Puteri Manik Bintang Berembun yang turut menolong Juragan. Pada bahagian akhir episod awal ini, kesemua puteri enam bersaudara dan Awang Jambul Lebat terbunuh.

Perbincangan di atas memperlihatkan tidak ada perbezaan yang besar antara bahagian awal VDZ dengan VRH. Kemunculan dua watak lain iaitu ayah Juragan dan Tuan Puteri Manik Bintang Berembun tidak mengubah plot dalam VRH. Ia hanya sekadar watak dan peristiwa tambahan yang dimunculkan, tetapi masih dalam plot cerita yang sama.

Cerita ini sama-sama mempunyai bahagian awal. Ia suatu bahagian yang tersendiri. Bahagian awal ini pula agak berbeza dengan bahagian awal kebanyakan cerita penglipur lara lainnya, kerana bahagian awal cerita penglipur lara biasanya hanya merupakan suatu pemerian/pemaparan suasana tertentu, atau peristiwa tertentu, yang tidak melibatkan pergerakan cerita. Tetapi dalam kedua versi cerita ini bahagian awalnya merupakan suatu bahagian tersendiri yang mempunyai struktur yang lengkap, iaitu awal, konflik dan akhir. Bahagian awal ini ialah Juragan memerintah Bugis Ramai menebang kayu sakti untuk dibuat jong, kemudian terdapat satu "motif sakti" di mana kayu tersebut bercantum semula apabila ditebang. Motif ini seterusnya menimbulkan konflik yang menjadi klimaks bahagian ini, iaitu Juragan berperang dengan Awang Jambul Lebat. Bahagian akhirnya ialah Juragan memenangi pertarungan tersebut dan berjaya membunuh Awang Jambul Lebat dan kayu sakti tersebut dapat ditumbangkan. Ini menyerupai bahagian akhir kebanyakan cerita penglipur

lara, iaitu berakhir dengan *happy ending*. Oleh yang demikian plot bahagian awal ini jika dilukis dalam bentuk gambarajah dapat dilihat seperti berikut:



Jika dilihat, plot bahagian awal ini merupakan sebuah cerita kecil yang lengkap. Ada bahagian awal, pergerakan, klimaks dan akhir. Oleh yang demikian ia membentuk seakan-akan seperti cerita berbingkai. Tetapi bukan seperti plot cerita berbingkai sepenuhnya, kerana dalam cerita berbingkai, setiap bahagian cerita-cerita kecil seakan-akan terlepas dari kerangka plot cerita keseluruhan. Ia hanya sekadar dipindahkan melalui seorang tokoh yang bertindak sebagai tukang cerita.

Dalam cerita ini seterusnya, bahagian awal menjadi sebahagian daripada plot cerita keseluruhan. Kemudian kedua-dua cerita bermula dengan motif pengembaraan. Peristiwa yang dipaparkan dalam motif ini juga sama, iaitu peristiwa Juragan menjaja kain bersama Mak Janda Kaya

dan digambarkan kekacakan Juragan sehingga orang yang sedang menyiang ikan terhiris tangannya kerana melihat kekacakan Juragan. Hanya terdapat perbezaan dalam VDZ . VDZ ada peristiwa bersiap-siap ke Pantai Cermin sedangkan dalam VRH tidak ada. Sebaliknya dalam VRH cerita terus bermula dengan peristiwa Juragan dan Mak Janda Kaya berniaga kain di Pantai Cermin.

4.2.1 Motif kahwin

Selanjutnya cerita bergerak lagi melalui motif kahwin. Di sini Juragan berkahwin dengan Dayang Kak Nun.

4.2.2 .Motif Keajaiban

Kemudian cerita bergerak lagi dengan suatu motif keajaiban di mana Juragan telah dilarikan oleh buaya putih. Peristiwa ini telah menyebabkan Juragan terpisah dengan Dayang Kak Nun.

4.2.3 Kemunculan Tokoh Penjarah/Jahat

Selepas Juragan hilang, Dayang Kak Nun telah digoda oleh Bujang Khamis melalui ilmu sihirnya sehingga Dayang Kak Nun berkahwin dengan tokoh jahat (Bujang Khamis). Perkahwinan ini merupakan permulaan pertentangan wira dengan tokoh jahat. Di sinilah juga bermulanya konflik antara wira dengan tokoh jahat.

4.2.4 Motif Penjelmaan

Seterusnya cerita digerakkan lagi oleh motif penjelmaan, di mana Juragan telah menjelma menjadi "budak buruk" untuk melihat isterinya. Di sini suatu usaha telah dilakukan oleh wira untuk mengetahui keadaan isterinya yang berada dalam tangan tokoh jahat, dalam usahanya untuk mendapatkan kembali isterinya. Dengan cara menyamar ini maka ia dapat mengetahui bahawa isterinya telah berkahwin dengan Bujang Khamis.

4.2.5 Pertarungan Antara Wira dengan Penjahat

Apabila Juragan mendapat tahu bahawa isterinya telah berkahwin dengan Bujang Khamis ia menjadi marah dan mengembalikan rupanya sebagaimana asalnya. Kemudian ia mencabar Bujang Khamis. Satu pertarungan telah berlaku antara Juragan dengan Bujang Khamis.

4.2.6 Kemenangan dan Kebahagiaan

Dalam pertarungan tersebut Juragan telah menang dan mengalahkan Bujang Khamis. Kemudian Dayang Kak Nun kembali sedar bahawa selama ini ia telah terkena ilmu sihir Bujang Khamis. Maka keduanya pun hidup bahagia.

Di sini suatu kelainan cerita ini dengan kebanyakan cerita-cerita, di mana di tengah-tengah cerita terdapat *happy ending*. Di sini seakan-akan cerita sudah berakhir, tetapi sebenarnya cerita belum berakhir.

4.2.7 Motif Pengembaraan

Di sini motif pengembaraan muncul kembali, di mana wira dalam cerita ini, iaitu Juragan telah pergi mengembara meninggalkan negerinya dengan meninggalkan isterinya yang sedang hamil.

4.2.8 Adegan yang Baru

4.2.8.1 Awal

Selepas Juragan meninggalkan isterinya maka bermula suatu adegan baru. Wira cerita beralih kepada seorang wira baru yang bernama Awang Muda Sulung.

Selepas pemergian Juragan, Dayang Kak Nun telah melahirkan seorang anak laki-laki yang bernama Awang Muda Sulung. Awang Muda Sulung membesar sebagaimana orang biasa, tetapi telah menunjukkan kelebihan iaitu cerdik, gagah dan lain-lain sifat kesempurnaan. Kemudian ia ingin mencari ayahnya.

4.2.8.2 Motif Pengembaraan

Seterusnya Awang Muda Sulung pergi mengembara mencari ayahnya. Dalam perjalanannya, ia bertemu dengan Dato Segedung Ilmu, Dato Pari Aman Raja Cemburu, dan Raja Helang sehingga akhirnya ia bertemu dengan ayahnya.

4.2.9 Konflik dan Klimaks

Awang Muda Sulung akhirnya bertemu dengan ayahnya. Oleh kerana keduanya saling tidak mengenali maka berlakulah pertarungan antara Awang Muda Sulung dengan ayahnya ,Juragan. Di sinilah klimaks cerita keseluruhannya.


4.2.10 *Happy Ending*

Setelah kedua beranak ini saling mengenali, Awang Sulung Muda dan Juragan balik ke Pantai Cermin menemui Dayang Kak Nun tetapi di dalam VRH plot ini dikembangkan lagi di mana Awang Muda Sulung dijadikan oleh ayahandanya sebagai raja di negeri Zamin Amba.

Setelah beberapa ketika, Tuan Puteri Bongsu melahirkan seorang anak lelaki . Begitu juga dengan Tuan Puteri anak kepada Raja Helang. Menurut tilikan ahli nujum anak tersebut tidak boleh dibesarkan di istana kerana dikhuatiri akan berperang. Kemudiannya kedua-dua putera tersebut


telah dihanyutkan. Ternyata tilikan ahli nujum tersebut benar apabila kedua-duanya membesar dan oleh kerana saling tidak mengenali akhirnya mereka berperang juga. Tetapi setelah mengetahui mereka berdua adik-beradik baharulah mereka berdamai dan sama-sama pula mencari bapa mereka.

Plot antara VRH dengan VDZ tidak ada perbezaan. Secara lebih jelas plot antara kedua versi ini dapat dilihat seperti gambarajah berikut:



telah dihanyutkan. Ternyata tilikan ahli nujum tersebut benar apabila kedua-duanya membesar dan oleh kerana saling tidak mengenali akhirnya mereka berperang juga. Tetapi setelah mengetahui mereka berdua adik-beradik baharulah mereka berdamai dan sama-sama pula mencari bapa mereka.

Plot antara VRH dengan VDZ tidak ada perbezaan. Secara lebih jelas plot antara kedua versi ini dapat dilihat seperti gambarajah berikut:



4.2.11 PERBANDINGAN PLOT

VDZ	VRH
Bahagian Awal	
1. Rakyat Juragan dikerah untuk menebang pokok Seri Bumi untuk dibuat jong. Tetapi gagal sehingga Juragan campur tangan. Berlaku pertempuran antara Juragan dengan Awang Jambul Lebat dan adik-beradiknya.	1. Sama
2. Berperanglah Bugis Ramai dengan Awang Jambul Lebat.	2. Sama
3.a. Kakak Juragan, T.P. Manik Bintang Berembun menolong berperang dengan Awang Jambul Lebat sampai AJL mati. Kemudian berperang pula dengan tuan puteri enam beradik sehingga semuanya mati kecuali puteri yang bongsu. T.P. Bongsu minta supaya dijadikan adik angkat dan mengaku bersaudara.	3.a. Awang Jambul Lebat berperang dengan Juragan 7 hari 7 malam.

VDZ	VRH
b. Tiada	b. Dibantu pula oleh ayah Juragan. (Dato Segedung) tapi tewas.
c. Tiada	c. Baharulah kakak Juragan, T.P. Manik Bintang Berembun menolong sehingga Awang Jambul Lebat kalah dan akhirnya kesemua adik-beradiknya tuan puteri yang enam beradik juga kalah dan terbunuh.
4. Kayu Seri Bumi dapat ditumbangkan dan dibuat jong yang bernama Celana Kuning Lanchang Kuning.	4. Akhirnya kayu Seri Bumi dapat ditumbangkan dan dibuatlah jong untuk Juragan bernama Lanchang Kuning Kumis Halus.
Motif Pengembaraan 5. Bersiap-siap untuk belayar ke Pantai Cermin dengan Mak Janda Kaya (mak angkat) untuk berjual kain.	5. Sama

VDZ	VRH
6.a. Setelah sampai di Pantai Cermin, Juragan menggerak Mak Janda Kaya untuk mandi dan bersiap. b. Mereka pun menjaja kain Mak Janda melaung 'Kain encik kain'..... seratus ada sehelai, dua ratus ada - sehelai, tiga ratus ada sehelai. c. Semasa berjaja berjumpa dengan orang sedang menyang ikan sehingga terhiris jari tangan sebab asyik melihat Juragan kemudian orang sedang belah kayu sehingga terbelah ibu jari kaki. d. Beberapa hari selepas itu pergilah berjual lagi lalu dipanggil oleh Kembang, untuk singgah di rumah Dayang Kak Nun.	6.a. Setelah sampai di Pantai Cermin, Mak Janda Kaya menggerak Juragan untuk mandi dan bersiap. b. Mak Janda Kaya melaung 'Kain encik kain.....seratus ada.... dua ratus ada sehelai <u>lima puluh ada sehelai</u>. c. Semasa berjaja jumpa orang belah kayu dulu baharulah jumpa orang menyang ikan. Kesannya sama. d. Sama

VDZ		VRH
Motif Kahwin		
7.a. Juragan dan Mak Janda Kaya balik ke jong selepas itu.	7.a.	Sama
b. Beberapa hari selepas itu Juragan berkahwin dengan Dayang Kak Nun.	b.	Sama
c. Selepas itu Dayang Kak Nun hendak menetak mengkuang di Sungai Pandan yang dipercayai ada buaya putih.	c.	Sama
d. Dayang Kak Nun berasa haus, Juragan cuba dapatkan air dengan menetak akar, gali perigi, pergi tepi sungai tetapi sungai masin lalu nampak buah nipah. Semasa mengambil buah nipah Juragan disambar buaya putih tapi tertinggal kain cindai.	d.	Sama
e. Dayang Kak Nun mencari tak jumpa apabila ternampak kain cindai, Dayang Kak Nun terjun ke dalam sungai lalu buaya putih berkata kepada Dayang Kak Nun suruh balik kerana dia hanya hendak orang yang cukup umur.	e.	Sama

VDZ	VRH
Motif Keajaiban 8. Buaya putih bawa Juragan ke negeri Nadin dan menikah dengan puteri Tok Raja Putih.	8. Buaya putih bawa Juragan ke tanah seberang lalu berkahwin dengan Puteri Selindung Bulan. Setelah 3 bulan 10 hari buaya putih hantar balik semula.
Kemunculan Tokoh Jahat 9. Dayang Kak Nun balik, bersedih, suruh Kembang jampi sireh dengan Bujang Khamis, setelah makan tiga kapur, Dayang Kak Nun lupa pada Juragan dan tergilakan pula Bujang Khamis sehingga menikah dengannya.	9. Sama
Motif Penjelmaan 10. Juragan setelah sampai di Pantai Cermin bertukar menjadi budak kudis kemudian budak puru memerhati gelagat Bujang Khamis dengan Dayang Kak Nun akhirnya bertukar kembali kepada rupa sedia asal.	10. Sama

VDZ	VRH
Pertarungan Wira Dengan Tokoh Jahat 11.a. Juragan mengajak Bujang Khamis berlawan tetapi Bujang Khamis takut tapi apabila disuruh Dayang Kak Nun baharulah dia turun. b. Setelah 7 hari 7 malam Bujang Khamis mati. Setelah itu Dayang Kak Nun pula turun berlawan sehingga kedua-duanya mati.	11. a. Sama 11.b. Sama
Motif Kemenangan 12. Setelah embun jantan menyirami mereka berdua, mereka hidup dan menjadi laki bini semula sehinggalah Dayang Kak Nun mengandung.	12. Sama

VDZ	VRH
Motif Pengembaraan 13. Setelah 3 bulan 10 hari Dayang Kak Nun mengandung, Juragan pun belayar kembali entah ke mana. Dayang berasa sedih akhirnya bersalin mendapat anak lelaki yang dinamakan Awang Muda Sulung. - 14a. Juragan belayar ke tanah seberang lalu berkahwin dengan anak Raja Kubang Angsa. b. Tiada	13. Setelah Dayang mengandung Juragan minta izin Kak Nun untuk berjalan dan minta menyediakan ketupat 7 biji untuk bekalan. 14.a Juragan berjalan dengan deras setelah 3 bulan 10 hari akhirnya bertemu dengan kampung orang untuk minta air. Rupanya sampai di kota Dato Segedung Ilmu. Setelah belajar ilmu persilatan, Juragan berkahwin dengan anak Dato Segedung Ilmu. b. Setelah 3 bulan 10 hari, Juragan berjalan lagi, sampai ke Negeri Dato Pari Aman. Belajar bersilat dan kahwin pula dengan anak Dato Pari Aman.

	VDZ	VRH
c.	Tiada	c. Setelah 3 bulan 10 hari, Juragan berjalan lagi dan belayar pula ke tanah seberang yang bernama Pagar Ruyung, Zamin Amba, Tanah Mengkaba.
d.	Tiada	d. Setelah duduk 3 bulan 10 hari, Juragan berjalan lagi sampai pula ke negeri Dato Raja Helang. Ia berkahwin dengan anak Dato Raja Helang dan belajar bersilat.
e.	Tiada	e. Setelah duduk 3 bulan 10 hari, Juragan berjalan lagi sampai pula ke negeri Raja Cemburu. Anaknya bernama Kilat Di Awan, Juragan tiba dan duduk di tangga rumah Raja Cemburu. Berlaku pertempuran antara Juragan dengan Raja Cemburu kerana Raja Cemburu tanpa usul periksa.

VDZ f. Tiada	VRH Setelah 7 hari 7 malam berlawan, Raja Cemburu tewas. Anaknya pula berlawan dengan Juragan selama 3 bulan 10 hari. Setelah itu mereka berbaik. Juragan mengaku bersaudara dan tinggal selama 3 bulan 10 hari. f. Juragan belayar lagi setelah duduk selama 3 bulan 10 hari. Kini menuju ke tanah seberang ke negeri Zamin Amba lalu menjadi raja ke 40 di negeri itu.
Adegan Baru Awal 15. Kisah Awang Muda Sulung membesar hendak mencari ayahnya.	15. Sama

VDZ	VRH
Motif Pengembaraan	
16.a. Awang Muda Sulung berjalan menuju dari arah matahari terbit. Setelah 3 bulan 10 hari lamanya, sampailah ke negeri orang lalu berjumpa dengan raja yang bernama Dato Segedung Ilmu. Duduklah di negeri ini selama 3 bulan 10 hari -	16.a. Sama dengan tambahan: (Belajar main senjata dan bertemu dengan adik dan mak tirinya).
b. Setelah itu minta izin untuk berjalan lagi sehingga sampai ke negeri Dato Pari Aman. Setelah 3 bulan 10 hari minta izin untuk berjalan lagi.	b. Sama dengan tambahan: Tambahan: (Belajar main pedang dan bersilat) Awang Muda dah cukup 3 bulan 10 hari hendak berjalan lagi.
c. Awang Muda Sulung berjumpa puteri kayangan 7 beradik lalu mengambil baju layang T.P Bongsu. Setelah 3 bulan 10 hari Awang Muda Sulung hendak berjalan lagi. Oleh kerana T.P. Bongsu tidak boleh berjalan lalu dimasukkan ke dalam cembul gading.	c. Sama
d. Awang Muda Sulung berjalan dan sampai di negeri Dato Raja Cemburu lalu berjumpa dengan emak tiri dan adiknya. Berlaku peperangan di	d. Tiada

VDZ	VRH
antara Raja Cemburu dan anaknya Awang Kilat dengan Awang Muda Sulung. Raja Cemburu ditewaskan tetapi Awang Kilat akhirnya kalah dan mengaku bersaudara. e. Awang Muda berjalan lagi sehingga sampai ke negeri Dato Raja Helang. Berkahwin dengan Tuan Puteri Burung dan Tuan Puteri Bongsu Manik Berembun.	e. Sama
Konflik 17. Awang Muda Sulung minta izin untuk belayar ke negeri Zamin Amba, Tanah Mengkaba, Tanah Pagar Ruyung. Sampai sahaja di negeri tersebut Awang Sulung berperang dengan ayahnya kerana saling tidak mengenali sehingga ayahnya kalah.	17. Sama

VDZ**Happy Ending**

18. Awang Muda Sulung beryang- yang memuja balik ayahnya, sehingga ayahya hidup balik.

19. Awang Muda Sulung duduklah di negeri Zamin Amba dengan bapanya beberapa ketika. Kemudian mereka pun balik ke Pantai Cermin untuk bertemu Dayang Kak Nun. Dalam perjalanan singgah di negeri Dato Raja Helang untuk mengambil isteri Awang Muda Sulung. Akhirnya mereka bertemu dengan Dayang Kak Nun.

VRH

18. Tuan Puteri Bongsu yang memuja lalu Juragan hidup semula.

19. Awang Muda Sulung duduklah di negeri Zamin Amba dengan ayahnya Juragan. Beberapa lama kemudian Tuan Puteri Bongsu bersalin. Tuan Puteri anak Raja Helang juga bersalin. Setelah ahli nujum menilik didapati kedua beradik ini akan berperang jika dibesarkan bersama lalu dihanyutkan di atas rakit. Setelah keduanya besar akhirnya mereka berperang juga. Apabila mengetahui mereka bersaudara maka keduanya pun mencarilah ayah mereka. Awang Muda Sulung dijadikan raja di negeri Zamin Amba. Juragan balik ke Pantai Cermin dengan Dayang Kak Nun. Di tengah jalan dia berhenti untuk mengambil anak isterinya sehingga penuh 39 buah jong.

4.3 Watak Dan Perwatakan

4.3.1 Juragan

Juragan adalah watak utama dalam cerita ini. Ia raja kepada kumpulan Bugis Ramai. Sebagai raja ia ditaati oleh rakyatnya. Rakyat jelata mengikut perintahnya tanpa bantahan. Rakyat Bugis Ramai mematuhi perintahnya ketika disuruh menebang sebatang pohon sakti untuk dibuat jong. Ia juga suami kepada Dayang Kak Nun yang menjadi watak wanita utama dalam cerita ini.

Sebagai seorang wira, ia sangat tegas dan ketegasannya inilah yang menyebabkan ia dapat mengawal semua rakyatnya. Ketegasannya ini juga menyebabkan ia berwibawa dan sangat dihormati oleh rakyatnya. Sebab itu rakyatnya tidak akan melawan perintahnya. Sepanjang cerita tidak pernah terjadi rakyat membantah arahannya. Ketegasannya ini dapat dilihat ketika ia mengarahkan rakyatnya Bugis Ramai untuk menebang kayu. Ia mengarahkan dengan tegas "Jangan banyak kata awak semua, ikut perintah aku".

Secara fizikalnya ia seorang yang segak. Kekacakannya menyebabkan orang yang sedang menyangi ikan luka tangannya tanpa disedari. Kesegakannya juga menyebabkan ia disukai ramai perempuan sehinggakan berkahwin di setiap negeri yang disinggahinya semasa pengembaraan. Tetapi di sini perkahwinan lebih daripada satu tidak

digambarkan oleh pengarang sebagai suatu kekurangan, malah telah digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan kegagahan Juragan dan dianggap perkahwinan yang banyak tersebut sebagai suatu yang istimewa. Perkahwinannya yang pertama dengan Dayang Kak Nun, yang kedua dengan Puteri Tok Raja Putih, yang ketiga dengan anak Raja Kubang Angsa, yang keempat dengan anak Dato Segedung Ilmu, yang kelima dengan anak Dato Pari Aman, yang keenam dengan anak Raja Helang membuktikan bahawa perempuan mudah jatuh cinta kepadanya.

Selain tegas, beliau juga seorang yang berani. Misalnya ia tidak takut menghampiri pokok Seri Bumi yang dikatakan sakti. Dan akhirnya ia juga berani bertarung dengan penghuni pokok tersebut dan menang dalam pertarungan. Keberanian dan kegagahannya dapat juga dilihat ketika ia bertarung dengan seorang lelaki yang bernama Bujang Khamis. Ia telah menang dalam pertarungan tersebut. Namun demikian ia tetap seorang yang periang dan cepat mesra.

Sebagai seorang suami ia juga bertanggungjawab dan sangat menyayangi isterinya. Misalnya suatu hari isterinya Dayang Kak Nun haus ketika di hutan. Ia telah pergi mencari air ke segenap tempat sehingga ke sebuah sungai yang ada buaya.

Satu lagi perwatakan Juragan ialah kesukaannya mengembara untuk menambahkan pengetahuan. Bagi Juragan mengembara adalah sangat penting untuk menambahkan ilmu. Sebab itu hasrat untuk

mengembara pada Juragan tidak dapat ditahan oleh sesiapaapun. Bahkan baharu saja berkahwin ia sanggup meninggalkan isterinya untuk mengembara. Di setiap negeri yang dilawatnya ia akan mencari guru dan menuntut ilmu dari guru tersebut.

Watak Juragan adalah menyerupai watak-watak utama dalam cerita-cerita penglipur lara Melayu. Ia dari kalangan bangsawan yang penuh dengan sifat-sifat positif sebagai menggambarkan keistimewaannya. Sifat-sifat positif tersebut juga sama iaitu, gagah perkasa, berani, kacak dan suka mengembara.

Watak begini adalah watak yang disukai oleh khalayak dalam cerita-cerita penglipur lara Melayu. Ia merupakan watak hero di mana gambaran kegagahan, kecantikan, keperkasaan, dan lain-lain adalah watak yang melupakan khalayak dari kehidupannya yang sebenar yang miskin dan bekerja keras untuk hidup. Watak serba sempurna ini juga menjadikan Juragan sebagai watak yang ideal untuk seorang wira dalam cerita-cerita penglipur lara Melayu.

Sebagai seorang panglima yang gagah, Juragan juga seorang yang keramat. Dengan kekeramatannya tersebut ia dapat menyeru bantuan secara ghaib jika menghadapi kesulitan. Misalnya ia dapat menyeru bantuan dari langit untuk merubah dirinya menjadi seorang miskin yang penuh dengan kudis. Dan kemudian ia dapat pula menyeru bantuan semula untuk pulih seperti sedia kala:

"Ya illahi Tuhanku Rabi, minta hilang jadi budak puru, timbul menjadi Juragan semula".

4.3.2 Dayang Kak Nun

Dayang Kak Nun adalah tokoh wirawati dalam cerita ini. Ia juga dari kalangan bangsawan. Nama ayahnya Datuk Temenggung jelas menunjukkan bahawa ia adalah anak seorang pembesar istana. Sebagai seorang wanita, ia diperlihatkan sebagai seorang yang suka berhias dan mementingkan kecantikan. Misalnya dalam memasang sanggulnya ia beberapa kali mengulangnya, dan memastikan bahawa ikat sanggulnya sesuai.

Walaupun ia anak seorang pembesar, tetapi ia tidak terlalu kaya dan mewah. Sewaktu membeli kain, ia mengatakan bahawa ia tidak ada wang untuk membeli kain tersebut.

Sebagai isteri, ia sangat sayang kepada suaminya, sehingga sanggup terjun ke dalam sungai untuk mencari suaminya yang telah dilarikan buaya. Satu ketika ia juga menyuruh buaya putih mengambil dirinya demi kesetiaan dan kecintaannya kepada suaminya.

Pada ketika ini ia memperlihatkan watak seorang isteri yang ideal. Ia sangat cinta pada suaminya, sayang pada suami dan sanggup berkorban untuk suaminya. Ia juga sangat menghormati suaminya.

Namun demikian ia juga manusia biasa, sifat-sifat idealnya itu tidak bertahan lama apabila ia terkena ilmu sihir oleh Bujang Khamis. Akibatnya ia telah jatuh cinta pada Bujang Khamis dan berkahwin dengan Bujang Khamis.

Setelah berkahwin dengan Bujang Khamis, ia juga menunjukkan sifat kesetiaannya sebagai seorang isteri seperti mana sifat setianya semasa masih menjadi isteri Juragan. Misalnya ketika Bujang Khamis bertarung dengan Juragan ia bersungguh-sungguh memberi semangat kepada Bujang Khamis untuk melawan Juragan.

Sebagai isteri ia tidak sahaja pasif. Sebaliknya bersikap aktif. Ketika suaminya Bujang Khamis berlawan dengan Juragan, ia telah memberi semangat kepada Bujang Khamis sehingga Bujang Khamis yang awalnya takut untuk berlawan dengan Juragan, telah berani bertarung dengan Juragan.

Ini mungkin bentuk ideal seorang isteri yang diciptakan oleh pengarang atau ideal seorang isteri dalam budaya Melayu iaitu cantik, taat pada suami tetapi tidak pasif.

Dalam kedua-dua teks tersebut tidak ada perbezaan pada watak ini. Ini menunjukkan bahawa watak Dayang Kak Nun adalah watak ideal wanita Melayu.

4.3.3 Awang Muda Sulung

Awang Muda Sulung adalah anak kepada Juragan dengan Dayang Kak Nun. Ayahnya Juragan meninggalkannya semasa masih dalam kandungan. Ia dibesarkan tanpa mengenal ayahnya sehinggalah meningkat umur 15 tahun. Bila umurnya meningkat 15 tahun, timbul hasrat di hatinya untuk mencari ayahnya. Ia mengembara dari satu negeri ke satu negeri untuk mencari ayahnya. Akhirnya ia berjumpa dengan ayahnya setelah sekian lamanya mengembara.

Awang Muda Sulung juga suka menuntut ilmu. Ia melakukan pengembaraan untuk tujuan menambah ilmu pengetahuannya yang disebutkan sebagai "melihat cupak gantang negeri orang" iaitu ingin untuk menambah pengalaman dan mengetahui adat istiadat di negeri lain.

Pada setiap negeri yang dilawatinya, Awang Sulung Muda akan tinggal selama tiga bulan sepuluh hari untuk menuntut ilmu dari orang-orang yang handal dan berilmu tinggi di negeri tersebut.

Ia juga seorang yang cerdas. Setiap kali berguru ia cepat mendapat ilmu yang diajarkan.

Walaupun ia seorang lelaki yang gagah perkasa, tetapi ia seorang yang bersopan santun. Ia hanya bersikap keras terhadap musuhnya,

sedangkan terhadap emak, isteri dan adik beradiknya ia sangat lembut dan berbudi bahasa.

Sistem kepercayaan Awang Muda Sulung sangat kuat kepada sistem kepercayaan animisme. Ia mempercayai ramalan-ramalan ahli nujum. Misalnya ia telah menghanyutkan kedua anaknya, kerana percaya kepada ramalan ahli nujum bahawa kedua anaknya tersebut nanti akan berperang.

Sebelum bertemu dengan ayahnya ia terpaksa bertarung dengan Raja Cemburu yang berjaya ditewaskannya. Kemudian ia juga bertarung dengan ayahnya sendiri sebelum Awang Muda Sulung mengenali ayahnya. Pertarungan tersebut telah dimenangi oleh Awang Muda Sulung. Di sinilah menampakkan kegagahan Awang Muda Sulung.

Awang Muda Sulung menjadi wira pada episod ini. Segala sifat wira dalam sastera tradisional ada padanya. Ia seorang yang kakak, gagah perkasa dan berwibawa. Sifat fizikalnya yang kakak menyebabkan ia dikasihi oleh setiap orang yang memandangnya.

Kegagahannya ini makin terserlah lagi apabila ia mengenakan pakaian kebesarannya. Terdapat tujuh jenis tanjak yang dipakainya. Tanjak-tanjak tersebut ialah:

VDZ

- 1.Naga Berjuang
- 2.Siku Keluang
- 3.Menang Perang
- 4.Cempaka Muda
- 5.Helang Menyongsung Angin
- 6.(Tiada)
- 7.Memangku Anak Dara

VRH

- 1.Naga Berjuang
- 2.Siku Keluang
- 3.Helang Menyongsung Angin
- 4.Menang Perang
- 5.Cempaka Muda
- 6.Selingkar Darah
- 7.Memangku Anak Dara.

Setiap kali ia datang melawati ke suatu negeri ia akan diterima dengan baik. Sifat gagah perkasa, tampan dan kebijaksanaannya juga menarik perhatian raja yang memerintah negeri yang dilawatinya sehingga ia ingin mengahwinkan puterinya dan melantiknya menjadi raja di negeri tersebut. Tetapi Awang Muda Sulung menolak permintaan tersebut kerana

tujuannya adalah untuk mencari ayahnya dan menambah ilmu pengetahuan.

Episod ini sepenuhnya bertumpu kepada Awang Muda Sulung. Sehingga menjadikan episod tersebut seakan-akan Awang Muda Sulung sebagai wira dalam cerita tersebut.

Sebagai seorang keturunan raja, Awang Muda Sulung digambarkan sebagai seorang yang keramat. Kekeramatannya ini menyebabkan ia diperlihatkan sebagai seorang yang dapat menarik kuasa ghaib. Ia mendapat bantuan daripada Dewa Raja. Misalnya ketika menghadapi kesukaran berperang, Awang Muda Sulung akan berseru kepada Dewa Raja. Begitu juga jika mengalami kesukaran dalam perjalanan ia juga akan berseru dan bantuan dari langit akan segera turun kepadanya.

4.3.4 Watak Sampingan

4.3.4.1 Dayang / Kembang

Watak ini ada dalam kedua-dua versi cerita 'Dayang Kak Nun'. Ia pembantu kepada Dayang Kak Nun yang tinggal bersama dengan Dayang Kak Nun. Dalam konteks ini ia dapat dikatakan sebagai hamba kepada seorang wanita bangsawan. Ia juga sering dipanggil dengan panggilan Kembang.

Sebagai seorang hamba perempuan ia bertugas memasak, menguruskan tuannya dan melakukan kerja-kerja rumah. Ia juga sangat setia dan taat kepada tuannya. Setiap apa sahaja yang suruh oleh tuannya akan segera dilaksanakannya

Sebagai seorang hamba ia sangat mengambil berat hal keadaan tuannya. Ketika Dayang Kak Nun hendak ke sungai untuk menetak mengkuang ia bersungguh-sungguh melarang tuannya supaya tidak pergi kerana ia tahu di situ ada buaya. Ia juga setia mengikuti tuannya, Dayang Kak Nun meredah hutan mencari Juragan yang hilang.

4.3.4.2 Mak Janda Kaya

Wanita yang sudah agak tua dan tinggal di hujung negeri. Ia berperanan sebagai pembantu kepada Juragan (wira). Ia seorang yang bijak dan selalu mencari akal menolong wira. Ia juga yang menjadi penolong wira apabila dalam kesusahan.

Di sini Mak Janda Kaya telah membantu wira dengan ikut bersama wira sebagai penjual kain, sehinggalah akhirnya wira dapat memikat hati Dayang Kak Nun dan berkahwin dengan Dayang Kak Nun.

4.3.4.3 Bujang Khamis

Seorang tua yang berilmu tinggi dan berdikir di surau. Ketinggian ilmunya sehingga dapat menyebabkan Dayang Kak Nun yang sangat sayang dan taat pada suaminya, bertukar kasih kepadanya dan melupakan suaminya. Sehingga akhirnya ia dapat berkahwin dengan Dayang Kak Nun.

4.3.4.4 Dato Pari Aman, Dato Segedung Ilmu dan Dato Raja Helang.

Ini adalah watak-watak sampingan yang turut terlibat membantu wira. Peranan mereka tidak penting dan tidak akan merubah struktur cerita keseluruhan

Mereka ini adalah watak orang-orang tua yang bijaksana. Merekalah yang membantu wira dengan cara mengajar wira pelbagai ilmu persilatan.

4.4 Gaya Bahasa

4.4.1 Penggunaan Pantun

Selain gaya bahasa prosa berirama, cerita penglipur lara ini juga menggunakan pantun sebagai gaya pengucapannya. Pantun digunakan dalam beberapa keadaan:

4.4.1.1 Dalam dialog-dialog tokoh.

Misalnya ketika berperang dengan Puteri Manik Bintang Berembun, Awang Jambul Lebat berkata kepada Puteri Manik Bintang Berembun:

VDZ

Awang Jambul Lebat

*Hilirah berperang mudik berperang
gali keledak dualah buku
manalah hati abang nak berperang
menengok adik mengangkatnya baju*

Kemudian dijawab pula oleh Tuan Puteri Manik Bintang Berembun:

Tuan Puteri

*Hilir berperang mudik berperang
galilah keledak di bawah meja
manalah hati adik nak berperang
seluarnya pendek baju kemeja*

Pantun di atas terjadi dalam bentuk dialog antara Awang Jambul Lebat dengan Tuan Puteri Manik Bintang Berembun dalam suasana sindir menyindir antara keduanya. Pantun ini digunakan oleh pengarang untuk lebih menghidupkan lagi suasana sindir menyindir antara dua tokoh tersebut dalam peperangan. Ini akan lebih berjaya menghidupkan watak daripada pengarang terus bercerita mengenai watak. Khalayak akan mudah menghayatinya, kerana ini sudah menjadi budaya dalam

masyarakat tradisional, sindiran biasanya disampaikan dalam bentuk pantun.

Masyarakat tradisional akan mudah dan lebih memahami sindiran-sindiran yang disampaikan dalam bentuk pantun ini. Di sinilah kebijaksanaan tukang cerita penglipur lara menggunakan gaya bahasa yang digunakan oleh masyarakatnya dalam penceritaan. Dengan demikian cerita akan lebih dekat kepada khalayak.

Hal yang sama juga terdapat dalam cerita VRH. Lihat pantun yang disampaikan ketika sindir menyindir antara Awang Jambul Lebat dengan Tuan Puteri Manik Bintang Berembun dalam teks berikut:

VRH

Awang Jambul Lebat

*Sapu tangan tepi berkelim
marinya kelin jari belakang abang
hatinya rindu mana nak kirim
Abang hendak kirim bukannya barang.*

Tuan Puteri

*Abang mandi di anak jamban
Hanyut pandan tiba kelopak
Abang menyanyi meninggalkan zaman
Barang di mana badan tercampak.*

Awang Jambul Lebat

*Mudik berkerang hilir berkerang
Gali keledak dua buku
Mana hati abang tak hendak geram
Menengok susu adik menongkat baju.*

Tuan Puteri :

*Mudiklah berkerang hilir berkerang
Gali ubi bawaklah keledak
Mana hati tidak hendak geram
Seluarnya pendek bajunya pendek.*

4.4.1.2 Dalam Dialog Biasa

Selain itu, pantun juga digunakan dalam dialog-dialog biasa. Misalnya ketika Juragan datang ke rumah Dayang Kak Nun bersama Mak Janda Kaya untuk menjual kain.

VRH

*Pucuk puah pisang jambi
bercandak pisang helang
bertanak biar kami
berhidang biar dayang.*

4.4.1.3 Dalam Pembukaan Cerita

Selain itu, pantun juga digunakan pada pembukaan cerita untuk memaklumkan kepada khalayak bahawa cerita sudah dimulai. Ia sekali gus juga digunakan sebagai bahasa ketika meminta izin kepada khalayak untuk memulai persembahan. Sebagai contoh lihat pantun yang diguna.

VDZ

*Sayanglah jelatuk burunglah jeladan
terbangnya dia menyongsung angin
tabiklah encik tabiklah tuan
sayalah hendak bermain-main.*

*Sayanglah jelatuk burung jeladan
terbangnya dia menyongsung angin
tabiklah encik tabiklah tuan
hendak membuka hikayat Juragan*

VRH

*Jelatuk burung jeladan
terbang ia di ampai kain
tabiklah encik tabiklah tuan
sayalah menumpang bermain-main.*

*Jelatuk burung jeladan
terbang ia menyongsung angin
Tabik encik tabik tuan
hendak membuka hikayat Juragan.*

4.4.2 Perkataan Penambahan

Dalam cerita ini juga terdapat penambahan perkataan-perkataan yang dari segi struktur ayat, perkataan ini tidak mempunyai fungsi. Sebaliknya sengaja diwujudkan oleh tukang cerita untuk dua tujuan. Pertama sebagai muzik, yang memberi isyarat perubahan adegan atau sebagai muzik untuk mengejutkan khalayak untuk menarik perhatian khalayak. Perkataan-perkataan tersebut juga perkataan yang tidak mempunyai makna sama sekali. Sebaliknya ia hanya sebagai isyarat atau muzik semata-mata. Dalam cerita penglipur lara ini, digunakan perkataan. Waa ...dengan memanjangkan perkataan tersebut dan perkataan ibadaan. Ibadaan bermakna "badan". Tetapi dalam VRH perkataan-perkataan seperti ini tidak terdapat.

4.4.3 Bahasa Berirama

Selain daripada pantun, dalam cerita penglipur lara ini juga digunakan ungkapan/bahasa berirama. Ia digunakan oleh pengarang ketika menggambarkan sesuatu. Misalnya ungkapan berikut ini akan diulang-ulang setiap kali oleh pengarang untuk menggambarkan kehebatan peperangan antara Juragan dengan musuhnya:

VDZ

*Tetak balik kiri buang balik kanan,
tetak balik kanan buang balik kiri
tetak balik kiri mengendap ke bawah
tetak ke bawah melambungny tinggi.
tinggi sampai pucuk nyiur gading
tetak paras gantang mencampaknya buang.*

VRH

*Tetak balik kanan buang balik kiri
tetak balik kiri buang balik kanan
tetak balik atas mengendap ke bawah
tetak balik bawah melambungny tinggi.
tinggi sampai pucuk nyiur gading
tetak paras gantang mencampaknya buang.*

Ungkapan seperti ini digunakan dalam kedua-dua versi tanpa ada perubahan. Ini menunjukkan bahasa ungkapan tersebut merupakan ungkapan yang sudah baku untuk menggambarkan peristiwa peperangan hebat. Seperti yang dinyatakan oleh Albert Lord (1976:54), bahawa terdapat formula pada tradisi lisan tersebut. Ungkapan tertentu akan sentiasa diulang-ulang setiap kali menggambarkan peristiwa yang sama. Misalnya dalam cerita ini dapat dilihat, ketika peristiwa peperangan, digambarkan melalui ungkapan seperti di atas.

4.5 Teknik Penceritaan

Menurut Albert Lord (1976: 54) penciptaan sastera lisan dilakukan dengan teknik formula. Tukang cerita tidak menghafal teks secara verbatim, tetapi hanya menguasai bentuk-bentuk formula yang siap dipakai ketika

penceritaan terjadi sesuai dengan adegan dan keadaan lingkungan ketika penceritaan. Teknik ini dikembangkan sesuai dengan bakat setiap seniman secara berlainan.

Pencerita akan mengingat frasa-frasa yang berulang-ulang kali didengarnya daripada pencerita lain. Mereka tidak menghafal setiap kata dari frasa tersebut. Frasa tersebut akan dituangkan kembali tanpa sedar seperti kita menggunakan ungkapan seharian (Nani Tuloli 1981:451).

Dalam cerita Dayang Kak Nun penggunaan teknik formula juga berlaku. Paparan-paparan tertentu yang diulang-ulang oleh tukang cerita untuk menggambarkan keadaan dan peristiwa. Paparan tertentu ini akan diulang-ulang setiap kali benda atau keadaan yang sama diceritakan. Ketika tokoh utama mulai masuk kampung ia akan bertemu dengan orang. Gambaran pertemuan tersebut dipaparkan dengan menggunakan ungkapan-ungkapan berikut:

*"Amboi enche' orang muda minta ayer,
sudah tiga bulan, makan nasi pun
tidak sudah tiga bulan berjalan,
dalam hutan, entah dimana
semak samun dan duri rotan"*

Ungkapan di atas disampaikan oleh Juragan ketika mula sampai di negeri Dato Segedung Ilmu.

Bandingkan pula dengan ungkapan yang diucapkan oleh Awang Muda Sulung ketika ia hendak sampai di negeri Dato Pari Aman.

*"Amboi enche, orang muda, minta saya
sedikit ayer awak itu, saya sangat dahaga sudah tiga bulan tidak
minum ayer, sudah tiga bulan tidak makan nasi"*

Bandingkan juga dengan ungkapan yang digunakan ketika Awang Muda Sulung mula sampai di negeri Raja Segedung Ilmu.

"Amboi orang muda minta saya sedikit ayer awak itu"

Ungkapan-ungkapan di atas hampir sama. Ungkapan "Amboi enche' orang muda minta ayer", "sudah tiga bulan tidak makan nasi", "sudah tiga bulan berjalan" adalah ungkapan yang sama diulang-ulang. Variasi hanya berlaku dalam pembentukan ayat-ayat, sedangkan frasa-frasa tersebut diulang-ulang tanpa perbezaan.

Begitu juga ketika menggambarkan kecekapan dan kecerdikan tokoh tertentu dalam mempelajari ilmu digambarkan dengan ungkapan, "Sedikit ajar banyak dapat". Teknik formula ini juga digunakan dalam menggambarkan jangka masa yang agak sederhana lama, untuk menggambarkan lama perjalanan dalam pengembaraan, lama Juragan tinggal bersama isterinya, lama berperang, dan lama berguru digambarkan dengan "tiga bulan sepuluh hari".

4.6. Kesimpulan Bab

Kajian ini memperlihatkan bahawa kedua versi teks ini tidak berbeza dari segi intrinsiknya. Oleh yang demikian sebuah teks sastra lisan yang dipersembahkan dalam waktu yang berlainan dengan khalayak yang berlainan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Plot, watak-watak utama, dan teknik penceritaan adalah sama. Antara satu versi dengan versi lain hanya terdapat tambahan atau pengurangan terhadap watak-watak kecil sampingan, perubahan dalam gaya bahasa, di mana pengarang kadang-kadang menambah pantun-pantun, peribahasa, ungkapan-ungkapan dan paparan-paparan tertentu.